

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



RM100j perluas ladang tebu

» *MSM laksana pengambilalihan strategik tanah di Asia Tenggara*

Oleh Ahmad Farizal Hajat

ahmadfarizal@mediaprima.com.my

► Kluang

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula terbesar negara memperuntukkan sehingga RM100 juta bagi melaksanakan pengambilalihan strategik di beberapa negara di Asia Tenggara tidak lama lagi.

Ia termasuk mengambil alih tanah bagi penanaman tebu sebagai langkah memastikan kapasiti pengeluarannya pada masa depan akan terus mamparn.

Difahamkan, antara negara yang sedang dipertimbangkan kumpulan bagi melaksanakan pengambilalihan strategik itu termasuk Indonesia, Myanmar dan Kembuja.

Kini, cabang perniagaan gula Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) itu yang beroperasi menerusi kilang penapisan di Prai, Pulau Pinang dan Chuping memiliki gabungan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.1 juta tan.

Ketua Eksekutifnya, Chua Say Sin, berkata peruntukan pelaburan itu dijana daripada tawaran awam permulaan (IPO) syarikat pada 2011.

Kajian terperinci

“Kami sedia maklum jalinan kerjasama antara cara untuk membantu mengembangkan lagi kawasan penanaman tebu kumpulan di Asia Tenggara. Justeru, kami memperuntukkan RM100 juta khusus bagi merealisasikan langkah ini.

“Bagaimanapun, satu kajian terperinci sedang dibuat kerana kami masih konserva-

tif mengenainya (untuk membuat pengambilalihan pada masa ini) berikutan unjuran penurunan harga gula dunia,” katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) kumpulan itu, di Kuala Lumpur, semalam.

MSM menjalankan perniagaan gula menerusi dua anak syarikatnya iaitu Malayan Sugar Manufacturing Syarikat dan Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd.

Tahun lalu, kumpulan itu mengeluarkan 900,620 tan produk gula halus, mencakupi kira-kira 57 peratus jumlah pengeluaran gula di Malaysia.

Walaupun rancangan pengambilalihan itu masih dalam penelitian, syarikat, kata Chua tidak akan berdiam diri, sebaliknya membuat beberapa penambahbaikan untuk kemudahan pengeluarannya bagi meningkatkan lagi skala kapasiti pengeluaran gula.

“Kami menjangkakan operasi pengeluaran meningkat kepada 4,600 tan gula mentah setiap hari daripada 3,600 tan ketika ini sejajar peningkatan permintaan domestik dan antarabangsa.

“Berikut itu, kami menaik taraf dua kemudahan kilang penapisan di Prai dan Chuping membabitkan beberapa kerja pemodenan seperti melaksanakan sistem automatik sepenuhnya selain menghubungkan kemudahan pembungkusan, pergudangan dan pengedaran kami,” katanya.



Presiden Kumpulan FGV, Tan Sri Sabri Ahmad (kiri) menunjukkan **laporan tahunan MSM** sambil diperhatikan Chua dan Ketua Pegawai Kewangan, Raja Faridah Raja Ahmad di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/ BH]